

UPM anjur Seminar Strategi Komunikasi 9 September

KUALA LUMPUR: Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menganjurkan seminar bertajuk Strategi Komunikasi dan Cabaran Masa Kini pada 9 September ini.

Seminar yang bertemakan Impak Teknologi Maklumat dan Komunikasi Ke Atas Masyarakat Semasa dan Jangka Panjang diadakan dengan tujuan membincangkan peranan kemajuan ICT dalam pembangunan negara.

Penasihat seminar, Prof Madya Dr Md Salleh Hassan, berkata seminar berkenaan turut dihadiri penceramah negara Asean bagi membincangkan kesan ICT dalam usaha melahirkan masyarakat berpengetahuan.

"Seminar ini memberi peluang kepada peserta mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak.

"Selain itu, seminar ini juga diharapkan akan menjadi satu landasan sebagai persediaan kepada ahli akademik, pakar ko-

munikasi dan pembuat dasar dalam menghadapi cabaran ICT jangka panjang," katanya dalam satu kenyataan di sini, kelmarin.

Md Salleh, berkata antara isu yang akan dibincangkan dalam seminar ini termasuk penerimaan dan penggunaan ICT, interaksi sosial menerusi perkhidmatan pesanan ringkas dan komunikasi siber.

Beliau berkata, dijangkakan Kira-kira 200 peserta akan menyertai seminar sehari yang akan diadakan di Hotel Mint, di sini.

Seminar sehari itu terbuka kepada ahli akademik, kakitangan kerajaan, pengamal komunikasi, pembuat dasar, penyelidik dan penuntut institusi pengajian.

Mereka yang berminat untuk menyertai seminar berkenaan boleh menghubungi Tengku Aisha (016-2877967), Raha Radzi (017-6967750), Sharifah Nadia (012-3040309) atau Zairil Izwar (012-2151864) atau menerusi e-mel commtech@yahoo.com.